

Inisiatif Ekonomi MADANI dapat A

Kaji selidik UUM,
NGO dapati lebih
50 peratus
sokong tindakan
diambil kerajaan

Oleh Noor Atiqah Sulaintan
nooratiqah.sulaiman
@bh.com.my

Kuala Lumpur: Inisiatif Ekonomi MADANI dilaksanakan Kerajaan Perpaduan diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat markah A dalam hasil kaji selidik dijalankan kumpulan penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) serta dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini.

Kaji selidik selama 34 hari bermula 1 November hingga 4 Disember lalu bertajuk 'Inisiatif MADANI: Penerimaan Rakyat' itu menunjukkan semua soalan ditanyakan mendapat lebih 50 peratus tanda sokongan dengan tindakan diambil kerajaan.

Tujuan kaji selidik dijalankan bagi membolehkan satu rumusan objektif dibuat mengenai tahap penerimaan rakyat ke atas pelbagai Inisiatif Ekonomi MADANI yang diumumkan Anwar dan Kerajaan Perpaduan sejak Ahli Parlimen Tambun mula menjadi Perdana Menteri pada 24 November 2022 dan Menteri Kewangan pada

3 Disember tahun sama.

Secara kesimpulan, dapatan kaji selidik ini mengenai tahap penerimaan ke atas 30 Inisiatif Ekonomi MADANI diumumkan Perdana Menteri menidakkan kenyataan sesetengah pihak bahawa dasar ekonomi di bawah konsep Malaysia MADANI diterajui Anwar tidak mempunyai hala tuju jelas.

UUM melalui kenyataan, berkata dapatan kajian juga menafikan kenyataan bahawa ramai rakyat tidak berpuas hati dengan usaha Kerajaan Perpaduan membantu golongan memerlukan, memerangi rasuah dan menjana pertumbuhan ekonomi.

4,606 responden dipilih

Seramai 4,606 responden dipilih dalam kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berstrata daripada 21,473,409 pengundi berdaftar yang diwartakan 3 Oktober lalu, merangkumi semua kaum, jantina dan peringkat umur di semua 222 Parlimen di 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan.

Mereka dihubungi secara dalam talian menggunakan aplikasi WhatsApp dan Telegram, selain melalui panggilan telefon dan/atau ditemubual secara tatap muka.

Hasil maklum balas responden menunjukkan Inisiatif Ekonomi MADANI mendapat markah A iaitu sebanyak 82 peratus (2457/3000).

Secara spesifik, 11 Inisiatif Ekonomi MADANI mendapat markah A+ (90-100) dan 13 mendapat

markah A (80-89), manakala dua lagi inisiatif mendapat markah A- (75-79). Baki empat lagi inisiatif merekodkan markah antara C- (45-49) dan F (0-34).

Antara soalan dikemukakan adalah tahap penerimaan responden kepada inisiatif memotong 20 peratus gaji pokok menteri yang secara keseluruhan mendapat 94 peratus sokongan berbanding empat peratus bantahan.

Inisiatif mendorong BERNAS menyumbang RM60 juta kepada pesawah miskin pula mendapat 96 peratus sokongan berbanding dua peratus bantahan, manakala penerimaan terhadap inisiatif mewajibkan projek cakna rakyat dan berimpak tinggi dilaksanakan secara tender, secara keseluruhannya mendapat 86 peratus sokongan berbanding empat peratus bantahan.

Inisiatif lain mendapat sokongan melebihi 50 peratus adalah memperkenalkan skim perubahan MADANI, pemotongan cukai bagi mereka yang berpendapatan tahunan RM35,000 hingga RM100,000 serta menaikkan cukai mereka yang berpendapatan melebihi RM100,000.

Turut ditanyakan mengenai tahap kepuasan hati rakyat terhadap Anwar menguruskan ekonomi Malaysia, yang mana 66 peratus berpuas hati berbanding 19 peratus ketidakpuasan hati.

Kaji selidik turut membabitkan lebih 30 soalan lain merangkumi pelbagai isu lain termasuk pendidikan, pemberian atau penarikan subsidi dan gaji progresif.